Sementara itu, Mohammad berkata, kementerian menghasilkan buku tersebut bagi memberi panduan untuk PBT menyelesaikan masalah infrastruktur yang berlaku di kawasannya.

"Sebagai permulaan, kita telah kenal pasti lima PBT yang boleh dijadikan sebagai projek pilot dengan inisiatif masing-masing. Contohnya Kuching, mereka akan laksanakan sistem lampu isyarat pintar.

"Ia bagi mengelakkan kesesakan dan ada juga fungsi lain. Kita ambil contoh negara maju, mereka ada sistem jauh lebih baik daripada kita yang boleh dicontohi," katanya.

Mohammad berkata, dengan perkembangan terbaru itu, beliau berharap KPKT dapat memperluaskan lagi projek tersebut dengan inisiatif dan inovasi berbeza dapat dilaksanakan di bandar-bandar berlainan.

"Kita harap pada satu masa nanti semua bandar-bandar di Malaysia akan menjadi Bandar Pintar," katanya.

Beliau berkata, selain mengoptimumkan penggunaan teknologi, Bandar Pintar Malaysia juga tidak lupa untuk menekankan aspek penjagaan alam sekitar.

"Sebagai contoh, bagaimana untuk mengoptimumkan rangka kerja Bandar Pintar di mana ada sistem yang dibangunkan untuk meningkatkan kualiti dari segi kutipan sampah.

"Kita dapat lihat adanya penyelesaian berdasarkan daripada sistem berkenaan. Ini antara contoh-contoh bagaimana teknologi Bandar Pintar mampu memudahkan hidup masyarakat," katanya.

Menurutnya, Bandar Pintar Malaysia juga merangkumi tujuh komponen utama iaitu Ekonomi Pintar, Kehidupan Pintar, Persekitaran Pintar, Masyarakat Pintar, Kerajaan Pintar, Pengangkutan Pintar dan Infrastruktur Digital Pintar.

Persidangan Antarabangsa Cities 4.0 peringkat antarabangsa mengenai Bandar Pintar yang dianjurkan secara bersama antara KPKT, Confexhub Group dan Human Life Advancement Foundation (HLAF) turut berlangsung selama dua hari di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

Bertemakan Unlocking Functional And Sustainable Cities For All, persidangan itu mengumpulkan pihak berkepentingan dan pemegang taruh termasuk daripada agensi kerajaan, kerajaan negeri, PBT, pihak industri swasta, akademia dan pakar teknologi Bandar Pintar dari dalam dan luar negara.